

SIRI KUPASAN ALKITAB

Apa itu

INJIL?

Greg Gilbert



PENERBITAN KRISTIAN

## **Apa Itu Injil?**

Penulis : Gregory D. Gilbert  
Penterjemah : Lilian Jose  
Penyunting : Randy Singkee  
Pereka Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: Jun 2019

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:  
Alkitab Versi Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited

*What is the Gospel?*  
Copyright © 2010 by Gregory D. Gilbert

Edisi Asal diterbitkan oleh:  
Crossway, satu pelayanan penerbitan Good News Publishers  
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan bersama oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.	KVBC Trust & CEP
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya	31A Jalan SS2/64
46787 Petaling Jaya, Selangor	47300 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com	info@kvbctrust.org

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



## Daftar Isi

Sekapur Sirih	1
Kata Pengantar	3
Pengenalan	5
1. Menemukan Injil dalam Alkitab	13
2. Allah Pencipta yang Benar	27
3. Manusia yang Berdosa	37
4. Yesus Kristus Penyelamat	49
5. Respons – Iman dan Pertaubatan	61
6. Kerajaan Allah	75
7. Menjadikan Salib Sebagai Pusat	91
8. Kuasa Injil	103

# Pengenalan

**A**pa itu injil Yesus Kristus? Anda mungkin berfikir bahawa ia adalah satu soalan yang mudah, terutamanya bagi orang Kristian. Malah anda mungkin berfikir bahawa menulis sebuah buku seperti ini – yang meminta orang Kristian untuk berfikir dengan teliti mengenai soalan, “Apa itu injil Yesus?” – adalah sesuatu yang sangat tidak perlu. Ia seperti meminta para tukang kayu untuk duduk dan memikirkan soalan, “Apa itu sebuah tukul?”

Lagipun injil Yesus Kristus adalah asas bagi Kekristianan, dan sebagai orang Kristian kita mendakwa bahawa injil adalah di atas segala-galanya. Ia adalah apa yang kita sandarkan dalam kehidupan kita dan juga dalam pembinaan gereja-gereja kita. Ia adalah perkara yang kita bualkan bersama orang lain, dan ia juga adalah sesuatu yang kita doakan agar mereka juga akan mendengar dan percaya.

Untuk semua itu, pada pendapat anda berapa kukuh pemahaman kebanyakan orang Kristian mengenai kandungan injil Kristian? Bagaimana anda akan menjawab jika seseorang bertanya kepada anda: Apakah berita yang sering kali kamu orang Kristian katakan? Dan apa yang begitu baik tentang itu?

Berdasarkan firasat saya terlalu ramai orang Kristian yang akan memberi jawapan yang sangat singkat berbanding dengan apa yang Alkitab katakan mengenai “injil Yesus Kristus”. Barangkali mereka akan menjawab “Injil berkata bahawa Allah akan



mengampunkan dosa kamu jika kamu percaya kepada-Nya.” atau mereka akan berkata seperti ini, “Berita baiknya adalah Allah mengasihani kamu dan mempunyai rancangan yang indah untuk hidup kamu.” atau “Injil berkata kamu adalah anak Allah, dan Allah menginginkan agar anak-anak-Nya sangat berjaya dalam apa jua perkara.” Sesetengah orang mungkin mengetahui tentang pentingnya untuk mengatakan sesuatu mengenai kematian Yesus di kayu salib dan kebangkitan-Nya. Tetapi sekali lagi, bagaimanakah semua ini sesuai?

Hakikatnya ialah, untuk membuat orang Kristian bersetuju dengan satu jawapan kepada soalan “Apakah itu injil?” tidak semudah yang sepatutnya. Saya bekerja dengan satu pelayanan yang dipanggil 9Marks, sebuah organisasi yang bekerjasama dengan Capitol Hill Baptist Church di Washington DC. Untuk sebahagian besarnya, mereka yang membaca dan memberi komen kepada bahan kami adalah daripada orang Kristian evangelikal yang agak tertutup. Mereka percaya bahawa Alkitab itu benar dan sahih, mereka percaya Yesus mati di kayu salib dan bangkit dari mati, mereka percaya manusia adalah berdosa dan memerlukan penyelamatan, dan mereka ingin menjadi orang yang berpusat kepada injil dan menepati injil.

Tetapi topik apakah yang anda jangkakan menerima komen yang banyak dan tindak balas yang aktif dalam apa yang kami tulis? Ya, topik itu ialah injil. Kita boleh menulis dan berbicara selama berbulan-bulan mengenai khotbah, pemuridan, kaunseling, politik gereja, bahkan mengenai muzik gereja, dan tindak balas daripada para pembaca kami adalah menarik tetapi tidak menghairankan. Tetapi apabila kami menulis sebuah artikel yang cuba menjelaskan tentang apa yang diajar oleh Alkitab adalah berita baik Kekristianan, sambutan yang kami terima adalah menakjubkan.

Beberapa ketika dahulu, salah seorang sahabat saya menyiarkan satu artikel pendek di laman sesawang kami tentang seorang artis Kristian yang terkenal yang ditanyakan dalam satu temu bual untuk menerangkan apakah berita baik dalam Kekristianan. Inilah yang dikatakan oleh artis itu:

Soalan yang baik. Saya rasa... naluri saya mengatakan bahawa ia adalah mengenai Yesus yang datang, hidup, mati dan dibangkitkan dan permulaan-Nya bagi perkara yang sudah dan akan berlaku bagi diri-Nya sendiri...dan ia berlaku menurut apa yang dikehendaki-Nya...segalanya berlaku dengan cara yang sepatutnya...bahawa proses di mana permulaan dan realiti dalam hidup dan jiwa seorang yang percaya dan harinya akan tiba di mana segalanya akan wujud sepenuhnya. Tetapi mengenai berita baik, injil, berbicara tentang berita baik, saya ingin katakan ia adalah tentang kedatangan kerajaan-Nya, permulaan bagi kedatangan kerajaan-Nya... itu ialah naluri saya.

Ada beberapa di antara kami yang memberi respons dengan menanyakan soalan-soalan seperti, “Jika kita menceritakan tentang injil Kristian, bukankah kita juga harus memberi sedikit penjelasan tentang kematian dan kebangkitan Yesus?” Atau, “Bukankah kita harus mengatakan sesuatu tentang dosa dan keperluan penyelamatan dari murka Allah terhadapnya?”

Respons kepada siri siaran itu sangat luar biasa. Selama beberapa bulan, kami menerima berdozen-dozen mesej mengenainya. Ada di antara mereka yang menulis kepada kami menghargai soalan-soalan yang kami bangkitkan; yang lain tertanya-tanya apa salahnya menceritakan tentang injil seperti itu memandangkan Yesus berkhotbah mengenai kedatangan kerajaan-Nya. Yang lain pula hanya merasa segar untuk mendengar orang Kristian berfikir secara mendalam tentang bagaimana menerangkan apa itu injil.

Dari sudut lain, saya gembira melihat orang Kristian menjadi teruja apabila satu perbincangan mengenai injil bermula. Ini bermaksud mereka mengambil serius perkara itu, dan mereka berfikir secara mendalam mengenai apa itu injil. Tidak akan ada perkara yang lebih sihat dalam diri seorang Kristian yang tidak mengambil berat mengenai bagaimana kita mendefinisikan dan memahami injil. Dari perspektif yang lain, saya berpendapat bahawa tenaga yang dihasilkan daripada perbincangan mengenai injil membawa kepada kekeliruan umum yang berpusat kepada hal itu sejak akhir-akhir ini. Apabila anda mempersoalkan tentang perkara ini, orang Kristian tidak akan bersetuju dengan apa itu injil – bahkan oleh orang Kristian yang mengaku diri mereka sebagai evangelikal.



Tanyakan kepada ratusan orang yang menggelar diri mereka Kristian evangelikal apakah berita baik mengenai Yesus, dan anda akan mendapat kira-kira enam puluh jawapan yang berbeza. Cuba dengar khotbah evangelikal, baca buku-buku evangelikal, atau layari laman sesawang evangelikal, anda akan mendapati satu demi satu penjelasan mengenai injil, kebanyakannya adalah saling eksklusif. Berikut adalah apa yang saya temukan:

Berita baiknya adalah, Allah ingin menunjukkan kepadamu kebaikan-Nya yang luar biasa. Dia mahu memenuhi hidup anda dengan “anggur baru”, tetapi adakah anda sanggup untuk membuang kirbat kulit lama anda? Adakah anda akan mula berfikir dengan lebih luas? Adakah anda akan lebih bersikap terbuka dan membuang semua pendirian lama yang negatif yang menghalang anda?

Ini adalah injil dalam satu ayat. Kerana Kristus telah mati bagi kita, mereka yang percaya kepada-Nya akan mengetahui bahawa dosa mereka telah diampuni. Apakah yang perlu kita katakan ketika penghakiman Allah? Hanya satu perkara. Kristus telah mati bagi saya. Itulah injil.

Mesej Yesus mungkin boleh dikatakan sebagai yang paling revolusioner sepanjang masa: “Empayar Allah yang revolusioner dan radikal ada di sini, diperhebatkan dengan perdamaian dan damai sejahtera, diperluaskan dengan iman, harapan dan kasih – bermula dengan yang paling miskin, paling lemah, paling tidak berdaya dan yang paling kecil. Kini tiba masanya untuk anda mengubah pemikiran anda. Segalanya akan berubah. Sekarang masanya untuk menjalani satu cara hidup yang baru. Percayalah saya. Ikuti saya. Percayalah kepada berita baik ini supaya anda dapat belajar bersandarkan kepadanya dan menjadi sebahagian daripada revolusi ini.”

Berita baiknya adalah wajah Allah akan selalu berpaling kepada anda, tidak kira apa yang anda telah lakukan, di mana anda telah berada, atau seberapa banyak kesalahan yang anda pernah lakukan. Dia mengasihi anda dan mata-Nya tertuju kepada anda, untuk mencari anda.

Injil itu sendiri merujuk kepada pengisytiharan bahawa Yesus,

Mesias yang telah disalibkan dan bangkit semula itu, adalah satu-satunya Tuhan yang benar bagi dunia ini.

Berita baik! Allah akan menjadi Raja dan Dia melakukannya melalui Yesus! Dan untuk itu, keadilan Allah, damai sejahtera Allah dan dunia Allah akan diperbaharui. Dan sudah pastilah di tengah-tengah hal ini, adalah berita baik untuk anda dan saya. Tetapi itu adalah terbitan atau akibat dari berita baik yang merupakan sebuah mesej tentang Yesus yang memberi kesan ke atas saya, anda dan kita semua. Tetapi injil itu sendiri bukan mengenai diri anda adalah orang yang seperti ini dan ini boleh terjadi kepada anda. Itu adalah hasil injil dan bukannya injil itu sendiri...Penyelamatan adalah hasil injil, bukan inti pati injil itu sendiri.

Injil adalah pengisytiharan mengenai Yesus, dalam [dua] sudut. Ia adalah pengisytiharan yang diumumkan oleh Yesus – kedatangan dunia Allah (“kerajaan”-Nya) di tengah-tengah manusia. Tetapi ia juga adalah pengisytiharan mengenai Yesus – berita baik bahawa dalam kematian dan kebangkitan-Nya, Yesus telah menjadikan kerajaan yang Dia isytiharkan itu tersedia kepada kita.

Sebagai seorang Kristian, saya hanya cuba mengarahkan diri saya dengan cara kehidupan yang tertentu, iaitu cara yang Yesus ajarkan. Dan pada pendapat saya cara Yesus adalah cara hidup yang terbaik...Seiring dengan waktu apabila anda benar-benar mencuba untuk hidup cara Yesus, anda mula memerhatikan sesuatu yang lebih mendalam berlaku. Anda mula menyedari mengapa ini adalah cara hidup yang terbaik kerana ia didasarkan pada kebenaran yang sebenarnya mengenai dunia ini. Anda akan mendapati diri anda hidup dengan lebih selari dengan realiti kehidupan sebenar. Anda menjadi semakin sejajar dengan bagaimana alam semesta berada dalam tahap yang lebih dalam...Orang Kristian yang pertama mengumumkan bahawa cara Yesus ini ialah “berita baik”.

Pemahaman saya mengenai mesej Yesus ialah Dia mengajar kita untuk hidup dalam realiti Allah sekarang – di sini dan pada hari ini. Seolah-olah Yesus terus berkata, “Ubah hidup kamu. Hidup dengan cara ini.”

Anda lihat apa yang saya maksudkan apabila saya mengatakan





injil diselubungi oleh kabus kekeliruan! Jika anda tidak pernah mendengar tentang agama Kristian, apakah yang anda akan fikirkan selepas membaca petikan-petikan itu? Anda mungkin dapat mengetahui bahawa orang Kristian cuba menyampaikan beberapa mesej yang baik. Tetapi lebih dari itu, ia hanyalah satu campur-aduk. Adakah berita baik itu hanya sekadar Allah mengasihinya saya, dan saya perlu mula untuk berfikir dengan lebih positif? Adakah Yesus benar-benar adalah contoh yang sangat baik yang boleh mengajar saya untuk menjalani kehidupan yang penuh kasih dan belas kasihan? Ia mungkin mempunyai kaitan dengan dosa dan pengampunan. Nampaknya sesetengah orang Kristian menganggap berita baik ini mempunyai kaitan dengan kematian Yesus. Yang lain tidak berpendapat sedemikian.

Maksud saya adalah tidak membuat keputusan di sini dan sekarang petikan yang mana satukah yang lebih baik atau lebih buruk daripada yang lain (walaupun saya berharap selepas membaca buku ini anda akan dapat membuat keputusan). Ia semata-mata untuk menunjukkan berapa banyak perkara berbeza yang masuk ke fikiran orang apabila mereka ditanya, “Apakah itu injil?”

Dalam buku ini saya cuba menawarkan satu jawapan yang jelas untuk soalan ini, yang berdasarkan kepada apa yang Alkitab itu sendiri ajarkan mengenai injil. Dalam proses ini, saya berharap dan berdoa untuk beberapa perkara.

Pertama, jika anda seorang Kristian, saya berdoa agar buku kecil ini – dan lebih penting lagi, kebenaran yang mulia ia cuba untuk menyatakan – akan membuatkan hati anda dipenuhi dengan sukacita dan pujian kepada Yesus Kristus untuk apa yang Dia telah lakukan untuk anda. Injil yang mudah membawa kepada ibadat yang mudah. Ia merendahkan mata kita dari Allah kepada diri sendiri dan merendahkan apa yang Allah telah lakukan untuk kita dalam Kristus. Injil yang alkitabiah, sebaliknya, adalah seperti bahan api dalam relau penyembahan. Semakin anda memahaminya, mempercayainya, dan bersandar kepadanya, semakin anda memuja Allah untuk siapakah Dia dan apa yang Dia telah lakukan untuk kita dalam Kristus. “Oh, betapa kaya kebijaksanaan dan

pengetahuan Allah!” seru Paulus (Roma 11:33), dan itu adalah kerana hatinya penuh dengan injil.

Kedua, saya berharap agar membaca buku ini akan memberikan anda keyakinan yang lebih dalam apabila anda berbicara dengan orang lain mengenai khabar baik tentang Yesus. Saya telah bertemu ramai orang Kristian yang ragu-ragu untuk berkongsi injil dengan sahabat, keluarga, dan kenalan kerana takut tidak dapat menjawab semua soalan mereka. Ini mungkin benar, tidak kira siapa pun anda, anda tidak akan dapat menjawab semua soalan itu! Tetapi anda boleh menjawab beberapa daripadanya, dan saya harap buku ini akan membantu anda untuk menjawab lebih banyak daripada mereka.

Ketiga, saya berdoa agar anda dapat melihat pentingnya injil ini dalam kehidupan gereja, dan hasilnya anda akan berusaha agar injil ini akan diberitakan, dinyanyikan, didoakan, diajarkan, dinyatakan, dan didengarkan dalam setiap aspek kehidupan gereja anda. Paulus berkata, melalui gereja itulah khabar tentang kebijaksanaan Yesus akan dimaklumkan kepada alam semesta. Dan bagaimanakah hal ini berlaku? Melalui pemberitaan injil, yang membawa cahaya “bagi semua orang” rencana kekal Allah untuk menyelamatkan dunia (Efesus 3:7-12).

Keempat, saya berharap agar buku ini akan membantu menopang pegangan injil dalam minda dan hati anda. Injil adalah mesej yang nyata, dan ia menerobos ke dalam pemikiran dan keutamaan dunia dengan kebenaran yang tajam dan kukuh. Malangnya, sentiasa ada kecenderungan dalam orang Kristian – bahkan dalam kalangan evangelikal – untuk melembutkan pegangan ini supaya injil akan lebih mudah diterima oleh dunia. Salah satu doa saya ialah agar buku ini akan berfungsi mempertahankan pegangan ini dan menghalang hakisan kebenaran, yang walaupun sukar untuk diterima oleh dunia, tetapi sangat diperlukan dalam berita baik mengenai Yesus. Kami semua tergoda, atas nama saksi-saksi yang berani, untuk mempersembahkan injil dengan cara yang sememarik mungkin. Itu baik-baik saja dalam beberapa sudut – ia sebenarnya adalah “berita baik” – tetapi kita juga perlu berhati-hati untuk tidak menyimpulkan fakta-fakta dalam injil. Kita harus memper-



tahankan pegangan ini, dan saya harap buku ini mampu membantu kita untuk melakukan hal ini.

Akhir sekali, jika anda bukan seorang Kristian, maka saya berdoa dengan membaca buku ini anda akan dirangsang untuk berfikir dengan lebih dalam mengenai berita baik tentang Yesus Kristus. Ini adalah mesej di mana kami orang Kristian telah memberikan seluruh hidup kami, dan ia adalah satu perkara yang kami percaya memerlukan satu tindakan daripada anda juga. Jika ada satu perkara dalam dunia ini yang anda tidak mampu untuk abaikan, ia adalah suara Allah yang berkata, "Berita baik! Inilah cara bagaimana kamu dapat diselamatkan dari penghakiman-Ku!" Pengumuman seperti inilah yang perlu diberi perhatian.

## 1

## Menemukan Injil dalam Alkitab

**T**ahukah anda bahawa sistem pengemudi GPS telah menyebabkan kekalutan di bandar-bandar di Amerika Syarikat? Ia terjadi terutamanya di bandar-bandar kecil. Bagi mereka yang tinggal di bandar-bandar besar, alat peranti kecil ini ialah penyelamat. Hidupkan GPS, taip alamat, dan anda telah sedia untuk memulakan perjalanan. Tidak ada lagi jalan yang terlepas, tidak ada lagi pusingan yang salah – hanya anda, kereta anda, GPS anda, dan ding! “Anda telah tiba di destinasi!”

Saya baru sahaja mendapat peranti GPS saya yang pertama, yang pada mulanya adalah satu tindakan bantahan terhadap pihak yang bertanggungjawab atas sistem jalan raya yang hampir mustahil di Washington DC. Walaupun begitu, pengalaman pertama saya dengannya bukanlah di Washington. Ia adalah di Linden, Texas, kampung asal saya yang sangat kecil, terpencil dan jauh di pedalaman.

GPS saya tidak mempunyai masalah untuk mengemudi di tengah-tengah jalan yang mengelirukan di Washington. Peliknya, ia bermasalah ketika di Linden. Jalan-jalan yang diyakini ada oleh GPS, sebenarnya tidak wujud. Ia berkeras menunjukkan laluan tersebut, tetapi tidak ada jalan. Alamat-alamat yang ia yakini wujud di tempat tertentu rupanya berada beberapa ratus kilometer dari situ – atau langsung tidak wujud.



Rupa-rupanya ketidaktahuan sistem GPS tentang bandar-bandar kecil adalah satu masalah yang semakin meningkat. ABC News melaporkan sebuah berita tentang jalan-jalan kejiranan yang secara literal menjadi jalan komersial kerana sistem GPS mengarahkan trafik ke situ, bukan menggunakan lebuh raya yang lebih besar. Terdapat masalah lain juga. Seorang lelaki malang yang berasal dari California berkeras bahawa dia hanya mengikut arahan GPSnya apabila dia melakukan pusingan ke kanan menuju ke sebuah jalan pedalaman dan menyedari bahawa dia tersekat di atas landasan kereta api, terpaksa melihat lampu kereta api yang sedang bergerak ke arahnya! Dia selamat. Namun kereta sewanya dan juga GPS tidak dapat diselamatkan.

Seorang wakil dari Persatuan Automobil Amerika berasa simpati. “Jelas sekali bahawa GPS itu telah menggagalkan dia kerana ia tidak sepatutnya memberitahu supaya dia membuat pusingan ke kanan di atas landasan kereta api,” katanya. “Tetapi hanya kerana sebuah mesin memberitahu kamu untuk melakukan sesuatu yang mungkin berbahaya, tidak semestinya kamu harus melakukannya.” Benar!

Jadi apa yang berlaku? Pengeluar GPS mengatakan bahawa masalahnya bukanlah pada peranti itu sendiri. Mereka sebenarnya melakukan apa yang seharusnya mereka lakukan. Sebaliknya, masalahnya ialah pada peta yang dimuat turun oleh peranti itu. Ternyata terutamanya untuk pekan-pekan kecil, peta yang tersedia untuk sistem GPS sering kali ketinggalan beberapa tahun atau beberapa dekad. Kadang-kadang peta itu hanyalah seperti pelan perancangan – apa yang bandar itu ingin lakukan jika bandar mereka berkembang. Hasilnya? Kadang-kadang alamat yang ditunjukkan berada di satu tempat dalam pelan perancangan rupanya didirikan di tempat lain. Kadang kala jalan raya yang dirancang ingin dibina sebenarnya tidak dibina sama sekali – dan kadang kala ia dibina bukan sebagai jalan raya, tetapi sebagai landasan kereta api!

Dalam dunia GPS, sama seperti dalam kehidupan, sangat penting untuk anda mendapatkan maklumat dari sumber yang boleh dipercayai!

## Apakah Kuasa Kita?

Perkara yang sama juga adalah benar apabila kita mendekati soalan, “Apa itu injil?” Dari awal lagi, kita perlu membuat beberapa keputusan tentang sumber maklumat yang kita akan gunakan untuk menjawab soalan ini. Untuk evangelikal, jawapannya adalah selalunya mudah: kita mendapat jawapannya dari Alkitab.

Memang benar, tetapi sangat penting untuk mengetahui bahwa tidak semua orang benar-benar setuju dengan jawapan itu. Tradisi-tradisi “Kristian” yang berbeza telah memberi jawapan yang berbeza-beza kepada soalan tentang kuasa ini. Ada yang membantah, sebagai contoh, kita tidak sepatutnya menyandarkan pemahaman kita sepenuhnya atas injil, atau pada ayat-ayat dalam Alkitab, tetapi pada tradisi Kristian. Jika gereja itu mempercayai sesuatu untuk tempoh yang cukup lama, mereka mengatakan kita harus memahami bahawa ia adalah benar. Yang lain pula mengatakan bahawa kita mengetahui kebenaran melalui alasan di sebaliknya. Membina pengetahuan kita dari bawah – A menyebabkan B menyebabkan C menyebabkan D – membawa kita kepada satu pemahaman yang sejati mengenai diri kita, dunia dan Allah. Yang lain mengatakan kita perlu mencari kebenaran dalam injil melalui pengalaman kita sendiri. Apa sahaja yang bergema dalam hati kita adalah sesuatu yang akhirnya kita fahami sebagai benar mengenai diri kita dan Allah.

Jika anda meluangkan masa yang cukup untuk memikirkan tentang perkara ini, anda akan menyedari bahawa setiap daripada tiga sumber ini gagal untuk menyampaikan apa yang dijanjikannya. Tradisi menjadikan kita berpegang kepada pendapat manusia. Alasan, seperti apa yang dikatakan oleh ahli falsafah baru kepada anda, menjadikan kita tidak yakin dengan keraguan ini. (Cuba buktikan, sebagai contoh, bahawa anda bukan sekadar bayang-bayang kepada imaginasi orang lain, atau bahawa lima deria anda benar-benar boleh dipercayai.) Dan pengalaman menjadikan kita bergantung kepada hati kita yang tidak menentu untuk memutuskan apa yang benar – sesuatu yang sukar diputuskan oleh kebanyakan orang.



Oleh itu, apa yang kita lakukan? Ke manakah kita pergi untuk mengetahui apa yang benar, dan sekali gus apakah berita baik yang sebenar mengenai Yesus Kristus? Sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa Allah telah berbicara kepada kita dalam Firman-Nya, Alkitab. Selain itu, kita percaya bahawa apa yang Allah telah katakan dalam Alkitab adalah sangat benar, dan membawa kita kepada keraguan atau keputusasaan atau ketidakpastian, tetapi dengan keyakinan. “Seluruh Kitab Suci diwahyukan oleh Allah,” Paulus berkata, “dan berguna untuk mengajar” (2 Timotius 3:16). Raja Daud telah menulis,

Jalan Allah itu sempurna;  
firman TUHAN terbukti benar. (Mazmur 18:30)

Dan begitu juga bagi Firman Allah yang kita rujuk untuk mencari apa yang Dia telah katakan kepada kita mengenai Anak-Nya Yesus dan mengenai berita baik tentang injil.

## **Di Manakah dalam Alkitab Kita Perlu Pergi?**

Tetapi di manakah kita pergi dalam Alkitab untuk mencarinya? Pada pendapat saya ada beberapa pendekatan yang berbeza yang boleh kita ambil. Seseorang haruslah dapat melihat semua perkataan injil yang disebutkan di dalam Perjanjian Baru dan cuba membuat kesimpulan tentang apa yang dimaksudkan oleh penulis ketika mereka menggunakan perkataan itu. Sudah tentu terdapat beberapa contoh di mana para penulis berhati-hati untuk mentakrifkannya.

Mungkin ada perkara penting yang dapat dipelajari dari pendekatan ini, tetapi terdapat kekurangan juga. Salah satu daripadanya ialah sering kali dalam Perjanjian Baru seorang penulis dengan jelas bermaksud untuk memberikan sebuah ringkasan mengenai berita baik tentang Kekristianan, namun dia tidak menggunakan perkataan injil. Contohnya khotbah Petrus di Hari Pentakosta dalam Kisah Para Rasul 2. Jika ada pengisytiharan berita baik untuk Kekristianan, sudah pasti inilah ia – tetapi Petrus tidak menyebutkan langsung perkataan injil. Contoh yang lain adalah rasul Yohanes, yang menggunakan perkataan tersebut

hanya sekali dalam semua tulisannya dalam Perjanjian Baru (Wahyu 14:6)!

Biar saya mencadangkan bahawa, buat masa sekarang, kita mendekati tugas mendefinisikan isi utama injil Kristian bukan dengan melakukan satu kajian perkataan, tetapi dengan melihat apakah yang dikatakan oleh orang Kristian awal mengenai Yesus dan pentingnya kehidupan, kematian serta kebangkitan-Nya. Jika kita melihat pada tulisan dan khotbah para rasul dalam Alkitab, kita akan mendapati bahawa mereka menjelaskan, ada kalanya terlalu ringkas, dan kadang-kadang lebih panjang mengenai apa yang mereka telah pelajari dari Yesus sendiri tentang berita baik itu. Mungkin kita juga boleh memperhatikan beberapa set soalan, beberapa rangka kebenaran yang dikongsikan di mana para rasul dan orang Kristian awal merangka penyampaian mereka tentang berita baik mengenai Yesus.

## **Injil dalam Roma 1-4**

Salah satu tempat yang terbaik untuk mula mencari penjelasan asas tentang injil ialah surat Paulus kepada jemaat di Roma. Mungkin lebih jelas daripada kitab-kitab lain dalam Alkitab, Roma mengandungi penjelasan yang lebih menyeluruh, langkah demi langkah tentang apa yang Paulus mengerti tentang berita baik.

Sebenarnya, kitab Roma tidak bersifat seperti kitab, seperti yang kita selalu fikirkan mengenai buku. Ia adalah surat, satu cara bagi Paulus memperkenalkan dirinya dan mesejnya kepada sekumpulan orang Kristian yang belum pernah ditemuinya. Sebab itulah ia mempunyai satu sifat yang sistematik, langkah demi langkah. Paulus mahu orang Kristian itu mengetahui tentang dirinya, pelayanannya, dan terutama sekali mesejnya. Dia mahu mereka mengetahui bahawa berita baik yang dia khotbahkan adalah berita baik yang sama yang mereka percayai.

“Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil,” dia memulakan bicara, “kerana Injil adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman” (Roma 1:16). Bermula dari situ, terutama sekali melalui empat pasal yang pertama, Paulus





menjelaskan berita baik mengenai Yesus dengan penjelasan yang menarik. Ketika kita merujuk pada pasal-pasal ini, kita akan melihat bahawa Paulus menyusun penyampaiannya mengenai injil berdasarkan beberapa kebenaran yang kritikal, kebenaran yang sering kali ditunjukkan ketika para rasul berkhotbah mengenai injil. Mari lihat dalam perkembangan pemikiran Paulus dalam Roma 1-4.

Pertama, Paulus memberitahu para pembacanya bahawa kepada Allahlah mereka bertanggungjawab. Selepas kata-kata pengenalannya di Roma 1:1-7, Paulus memulakan penyampaian injil dengan mengisytiharkan bahawa “kemurkaan Allah ternyata dari syurga” (ayat 18). Dengan kata-katanya yang pertama, Paulus menegaskan bahawa manusia tidak autonomi. Kita tidak menciptakan diri kita sendiri, dan kita tidak berdikari atau mempertanggungjawabkan diri kita sendiri. Tidak, Allahlah yang menciptakan dunia dan segala isinya, termasuk kita. Kerana Dia menciptakan kita, Allah mempunyai hak untuk menuntut kita agar menyembah-Nya. Lihat apa yang Paulus katakan dalam ayat 21: “Walaupun mereka telah mengenal Allah, mereka tidak memuliakan-Nya sebagai Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya. Sebaliknya mereka memikirkan yang sia-sia dan hati mereka yang tolok diliputi kegelapan.”

Oleh itu, Paulus mendakwa bahawa manusia telah berdosa apabila mereka tidak memuliakan dan tidak berterima kasih kepada Allah. Adalah menjadi kewajipan kita, sebagai manusia yang dicipta dan dimiliki oleh Allah, untuk memberi-Nya kehormatan dan kemuliaan yang dimiliki-Nya, untuk hidup dan berbicara dan bertindak dan berfikir dalam satu cara mengiktiraf dan mengakui kekuasaan-Nya terhadap kita. Kita dicipta oleh-Nya, dimiliki oleh-Nya, bergantung kepada-Nya, dan kerana itu bertanggungjawab kepada-Nya. Demikianlah isi pertama yang Paulus sebutkan ketika dia menjelaskan berita baik Kekristianan.

Kedua, Paulus memberitahu para pembacanya bahawa masalah mereka adalah mereka memberontak terhadap Allah. Mereka – bersama-sama dengan orang lain – tidak menghormati Allah dan bersyukur kepada-Nya seperti yang mereka perlu lakukan. Hati mereka yang bodoh telah menjadi gelap dan mereka “berpaling

daripada kemuliaan Allah yang kekal abadi lalu menyembah patung-patung yang diperbuat seperti bentuk manusia yang fana, burung, haiwan berkaki empat dan binatang yang menjalar” (ayat 23). Ini benar-benar satu imej menjijikkan, bukan? Bagi manusia untuk mempertimbangkan Pencipta mereka dan kemudian memutuskan bahawa patung kayu atau besi seperti katak atau burung, atau bahkan diri mereka sendiri lebih mulia, lebih baik dan lebih berharga adalah satu penghinaan dan pemberontakan tertinggi terhadap Allah. Itulah akar dan intipati dosa, dan akibatnya adalah sesuatu yang sangat mengerikan.

Untuk tiga pasal yang seterusnya, Paulus banyak menekankan perkara ini, menganggap semua manusia sebagai orang berdosa terhadap Allah. Dalam pasal 1 tumpuannya adalah pada orang bukan Yahudi, dan kemudian dalam pasal 2 dia menumpukan sama beratnya kepada orang Yahudi. Seolah-olah Paulus tahu bahawa orang Yahudi yang menganggap diri mereka selalu benar akan bersorak memuji pembantaianya terhadap orang bukan Yahudi, oleh itu dia berkata dalam 2:1 dan menuding jarinya kepada para pesorak itu: “Oleh itu, kamu tidak boleh berdalih!” Sama seperti orang bukan Yahudi, dia berkata, orang Yahudi telah melanggar perintah Allah dan berada di bawah penghakiman-Nya.

Pada pertengahan pasal 3, Paulus mendakwa bahawa setiap orang di dunia memberontak terhadap Allah. “Dahulu kita telah mengatakan bahawa baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, semuanya berada di bawah kuasa dosa” (ayat 9). Dan kesimpulannya adalah apabila kita berdiri di hadapan Allah di hari Penghakiman, setiap mulut akan dibungkam. Tidak ada sesiapa yang akan mengajukan pembelaan. Tidak ada alasan yang boleh diberikan. Seluruh umat manusia – orang Yahudi dan bukan Yahudi, setiap daripada kita – akan dihakimi oleh Allah (ayat 19).

Kini, jelas sekali bahawa dua perkara ini bukanlah berita baik. Malah, ia sebenarnya adalah berita buruk. Memberontak terhadap Allah yang suci dan yang menghakimi yang telah mencipta saya bukanlah satu pemikiran yang menggembirakan. Tetapi ia adalah sesuatu yang penting, kerana ia membawa kepada berita baik. Perkara ini adalah sesuatu yang boleh diterima. Untuk seseorang



berkata kepada anda, “Aku akan datang untuk menyelamatkanmu!” bukanlah berita baik kecuali jika anda percaya bahawa anda sebenarnya perlu untuk diselamatkan.

Ketiga, Paulus berkata bahawa penyelesaian Allah bagi dosa manusia ialah pengorbanan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus. Setelah berbicara mengenai berita buruk tentang kesukaran yang kita hadapi sebagai orang berdosa di hadapan Allah kita yang benar, Paulus kini berbicara tentang berita baik, iaitu injil Yesus Kristus.

“Tetapi sekarang,” Paulus berkata, meskipun kerana dosa kita, “tanpa hukum Taurat, perbenaran Allah telah dinyatakan” (ayat 21). Dalam erti kata lain, ada satu jalan bagi manusia untuk dibenarkan di hadapan Allah, dinyatakan sebagai tidak bersalah dan bukannya bersalah, diperbenarkan dan bukannya dijatuhkan. Dan ia tidak ada kaitan dengan melakukan perbuatan yang lebih baik atau menjalani kehidupan yang lebih benar. Ia berlaku “tanpa hukum Taurat”.

Jadi bagaimana itu berlaku? Paulus dengan jelas menyatakannya dalam Roma 3:24. Biar pun kita memberontak terhadap Allah, dan berhadapan dengan keadaan yang tiada harapan, kita boleh “diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Kristus Yesus.” Melalui pengorbanan Kristus dalam kematian dan kebangkitan-Nya – kerana darah dan nyawa-Nya – orang yang berdosa dapat diselamatkan dari kutukan dosa yang kita layak terima.

Tetapi ada satu lagi soalan dalam jawapan Paulus. Sebenarnya bagaimanakah berita baik itu untuk saya? Bagaimana saya boleh dimasukkan dalam penyelamatan yang dijanjikan ini?

Akhir sekali, Paulus memberitahu para pembacanya bagaimana mereka boleh termasuk dalam penyelamatan ini. Itulah apa yang dituliskannya pada akhir pasal 3 dan di awal pasal 4. Penyelamatan yang disediakan bagi Allah adalah “melalui iman kepada Yesus Kristus,” dan ia adalah “bagi semua yang percaya” (3:22). Oleh itu bagaimanakah penyelamatan ini

menjadi berita baik bagi saya dan bukannya hanya untuk orang lain? Bagaimana saya boleh termasuk? Dengan percaya kepada Yesus Kristus. Dengan percaya kepada-Nya dan tidak ada orang lain yang dapat menyelamatkan saya. “Bagi seseorang yang tidak membuat kerja amal tetapi percaya kepada Allah yang telah memperbenar orang yang mungkar,” Paulus menjelaskan, “imannya diperhitungkan sebagai perbenaran” (4:5).

## Empat Soalan Penting

Sekarang, dengan melihat pada hujah-hujah Paulus dalam Roma 1-4, kita dapat melihat bahawa inti pengisytiharannya tentang injil adalah jawapan kepada empat soalan penting ini:

1. Siapakah yang mencipta kita, dan kepada siapakah kita bertanggungjawab?
2. Apakah masalah kita? Dalam erti kata lain, adakah kita dalam kesusahan dan mengapa?
3. Apakah penyelesaian Allah terhadap masalah ini? Apakah tindakan-Nya untuk menyelamatkan kita daripadanya?
4. Bagaimanakah saya – diri saya sendiri, di sini, sekarang – dapat dimasukkan ke dalam penyelamatan ini? Apa yang membuat ini adalah berita baik untuk saya dan bukan hanya untuk orang lain?

Kita boleh rumuskan empat perkara utama ini seperti berikut: Allah, manusia, Kristus, dan respons.

Sudah tentu Paulus terus merungkaikan janji-janji lain yang Allah lakukan kepada mereka yang diselamatkan dalam Kristus, dan kebanyakan janji itu mungkin dikenal pasti sebagai sebahagian daripada berita baik Kekristianan, injil Yesus Kristus. Tetapi penting bagi kita untuk fahami, dari awal lagi, bahawa semua janji besar itu bergantung dan mengalir dari sumber berita baik Kekristianan. Janji-janji itu hanya datang kepada mereka yang telah menerima pengampunan dosa melalui iman dalam Kristus yang telah disalib dan bangkit. Kerana itulah Paulus, apabila dia menyampaikan tentang inti injil, bermula dari sini – dengan empat kebenaran yang



kritikal ini.

## **Injil dalam Bahagian Lain di Perjanjian Baru**

Bukan Paulus sahaja yang telah melakukan ini. Ketika saya membaca tulisan-tulisan para rasul di Perjanjian Baru, empat soalan inilah yang saya lihat mereka jawab berulang-ulang kali. Tidak kira apa yang mereka katakan, ini adalah perkara-perkara yang menjadi inti penyampaian mereka mengenai injil. Walaupun konteks, sudut, perkataan dan pendekatannya berubah, tetapi entah bagaimana dan dalam beberapa cara orang Kristian yang awal selalu tertumpu kepada empat isu ini: Kita bertanggungjawab terhadap Allah yang mencipta kita. Kita telah berdosa kepada Allah dan akan dihakimi. Tetapi Allah telah bertindak dalam Yesus Kristus untuk menyelamatkan kita, dan kita menerima penyelamatan itu dengan bertaubat dari dosa dan beriman kepada Yesus.

Allah. Manusia. Kristus. Respons.

Mari kita lihat dalam beberapa petikan lain dalam Perjanjian Baru di mana injil Yesus dirumuskan. Rujuk kata-kata Paulus yang terkenal dalam 1 Korintus 15, sebagai contoh:

Aku menyatakan kepadamu, saudara-saudaraku, tentang Injil yang telah kusampaikan kepadamu, telah kamu terima dan pegang hingga sekarang. Melalui Injil itu kamu diselamatkan, jika kamu tetap berpegang kepada Firman yang telah kusampaikan, dan imanmu bukan kosong semata-mata.

Aku telah menyampaikan kepadamu hal-hal utama, yang telah kuterima sendiri: Bahawa Kristus telah mati untuk menebus dosa kita, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci; bahawa Dia telah dikuburkan, dan telah dibangkitkan pada hari yang ketiga, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci; dan bahawa Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepada Petrus, kemudian kepada dua belas murid-Nya. (1 Korintus 15: 1-5)

Adakah anda melihat struktur utama di sini? Paulus tidak terlalu menyeluruh seperti dalam Roma 1-4, tetapi kontur-kontur utama masih jelas. Manusia berada dalam kesusahan, tenggelam dalam “dosa-dosa kita” dan perlu “diselamatkan” (jelas sekali, walaupun agak tersirat, dari penghakiman Allah). Tetapi penyelamatan

datang dengan cara ini: “Kristus mati untuk dosa kita...dikuburkan...dan telah bangkit.” Dan semua ini bergantung dengan “[ber]pegang pada kata-kata yang aku sampaikan kepada kamu,” dengan benar-benar percaya dan tidak sia-sia. Oleh itu kita dapat lihat: Allah, manusia, Kristus, respons.

Bahkan dalam khotbah-khotbah yang direkodkan dalam buku Kisah Para Rasul, rangka kerja pusat injil adalah jelas. Apabila Petrus memberitahu orang ramai pada Hari Pentakosta apa yang mereka perlu lakukan sebagai respons terhadap penyataannya mengenai kematian dan kebangkitan Yesus, katanya, “Bertaubatlah, dan hendaklah setiap orang daripada kamu dibaptiskan atas nama Yesus Kristus supaya dosa-dosamu diampunkan” (KPR 2:38). Sekali lagi, seruan Petrus tidak menyeluruh, dan penghakiman Allah sekali lagi bersifat tersirat, tetapi biarpun demikian segalanya ada dinyatakannya. Masalahnya adalah: anda memerlukan Allah untuk mengampuni dosa anda, bukan menghakimi anda melalui dosa itu. Penyelesaiannya adalah: kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, yang Petrus telah huraikan dengan panjang lebar dalam khotbahnya. Respons yang diperlukan: pertaubatan dan iman percaya, dibuktikan dengan tindakan pembaptisan.

Dalam khotbah Petrus yang lain, dalam Kisah Para Rasul 3:18-19, empat kebenaran yang penting ini kelihatan jelas sekali lagi:

Tetapi dengan cara demikianlah segala yang dinyatakan Allah melalui lidah nabi-nabi-Nya, bahawa Kristus akan menderita, telah ditunaikan-Nya. Oleh itu, bertaubatlah dan berpalinglah kepada Allah, supaya dosa-dosamu dihapuskan, dan supaya masa yang memberikan kesegaran datang kelak daripada Tuhan.

Masalah: anda memerlukan dosa anda dihapuskan, bukan dihakimi oleh Allah. Penyelesaian: Kristus menderita. Respons: bertaubat dan berpaling kepada Allah dalam iman.

Atau pertimbangkan khotbah Petrus mengenai injil kepada Kornelius dan keluarganya:

Kami ini menjadi saksi akan segala yang dilakukan-Nya di tanah orang Yahudi malah juga di Yerusalem. Dia telah dibunuh dengan



disalib; tetapi Allah membangkitkan-Nya pada hari yang ketiga serta memperlihatkan Dia; bukan kepada semua orang tetapi kepada kami yang telah dipilih oleh Allah sebagai saksi, kami yang semakan seminum dengan-Nya setelah Dia bangkit daripada kalangan orang mati. Dia memerintah kami mengkhabarkan kepada semua orang dan memberikan kesaksian bahawa Dialah yang dijadikan Allah hakim ke atas orang hidup dan orang mati. Semua nabi bersaksi tentang-Nya bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus akan diampuni dosanya dengan nama-Nya.” (KPR 10:39-43)

Pengampunan dosa. Melalui nama Yang disalib dan Yang telah bangkit. Untuk semua orang yang percaya.

Paulus juga berkhotbahkan injil yang sama dalam Kisah Para Rasul 13:

Oleh itu, ketahuilah saudara-saudara, melalui Yesus berita pengampunan dosa disampaikan kepada saudara sekalian. Setiap orang yang percaya kepada-Nya diampuni segala dosanya yang tidak dapat diampunkan melalui Taurat Musa. (KPR 13:38-39)

Sekali lagi, rangka kerja yang jelas adalah Allah, manusia, Kristus, dan respons. Anda memerlukan Allah untuk memberikan “pengampunan dosa” kepada anda. Itu terjadi “melalui Yesus,” dan ia terjadi kepada “orang yang percaya.”

## **Menjelaskan Kebenaran-kebenaran Asas dalam Pelbagai Cara**

Jelas sekali struktur Allah-manusia-Kristus-respons ini bukanlah sebuah formula yang memperhambakan. Para rasul tidak semestinya harus menandakan setiap perkara ini seperti satu senarai semak ketika mereka memberitakan injil. Bergantung kepada konteks, berapa lama mereka perlu berkhotbah, dan siapa yang termasuk dalam pendengar mereka, mereka menjelaskan empat perkara ini dengan panjang yang berbeza-beza. Kadang kala ada yang dibiarkan bersifat tersirat daripada tersurat – terutamanya bagi perkara yang mengatakan bahawa kepada

Allahlah kita harus bertanggungjawab dan dari Dialah kita memerlukan anugerah pengampunan. Tetapi sekali lagi, itu adalah satu fakta yang telah pun tersimpan dalam fikiran orang Yahudi yang sering dikhotbahkan oleh para rasul.

Sebaliknya, ketika Paulus berbicara kepada sekumpulan ahli falsafah pagan di Areopagus, dia bermula tepat pada permulaannya, dengan Allah sendiri. Khotbah Paulus dalam Kisah Para Rasul 17 sering kali dipetik sebagai model untuk menyampaikan berita baik dalam tradisi pagan. Tetapi ada sesuatu yang sangat menarik dan luar biasa tentang khotbah itu. Perhatikannya dengan teliti dan anda akan mula menyadari bahawa Paulus sebenarnya tidak mengisytiharkan berita baik tentang Kristus, tetapi hanya berita buruk!

“Biarlah saya beritahu mengenai Allah yang tidak diketahui kepada siapa kamu menyembah di mezbah,” dia memulakannya. Kemudian dia menjelaskan kepada mereka dalam ayat 24-28 bahawa ada satu Allah, bahawa Allah inilah yang telah mencipta dunia, dan bahawa Dia memanggil kita untuk menyembah-Nya. Selepas itu, dalam ayat 29 dia menjelaskan tentang konsep dosa dan kesannya dalam penyembahan benda-benda yang dicipta selain daripada Allah, dan dia menyatakan bahawa Allah akan menghakimi mereka yang mendengar-Nya oleh “seorang yang ditentukan-Nya,” yang Allah telah bangkitkan dari kematian (ayat 31).

Dan kemudian dia berhenti! Perhatikan dengan teliti. Tidak ada disebutkan pengampunan, tidak ada disebutkan salib, dan tidak ada janji untuk penyelamatan – hanya satu pernyataan tuntutan Allah dan pengisytiharan kebangkitan sebagai bukti penghakiman-Nya yang akan datang! Paulus tidak menyebutkan nama Yesus langsung!

Jadi apa yang berlaku di sini? Adakah Paulus tidak memberitakan injil di sini? Nampaknya tidak, bukan sekarang. Tidak ada injil, tidak ada berita baik, dalam khotbah awamnya. Berita yang disampaikan oleh Paulus semuanya buruk. Tetapi lihat pada ayat 32-34, di mana Alkitab berkata bahawa ada beberapa orang yang mahu mendengar Paulus lagi, dan beberapa orang daripada





mereka sebenarnya telah mempercayainya. Rupa-rupanya, Paulus memberitakan berita baik – bahwa orang yang berdosa boleh diselamatkan dari penghakiman yang akan datang – di kemudian hari, mungkin secara terbuka, mungkin secara pribadi.

Sama seperti rasul-rasul yang lain, Paulus sangat sempurna dalam mempersembahkan kebenaran asas bagi injil dalam pelbagai cara. Tetapi perkara yang penting untuk difahami adalah pernah ada beberapa kebenaran asas injil, dan dari khutbah-khotbah serta surat-surat yang dipelihara untuk kita mempunyai satu idea yang sangat baik mengenai apakah kebenaran asas dulu – dan sekarang. Dalam Roma, dalam 1 Korintus, dalam khutbah-khotbah di Kisah Para Rasul, dan sepanjang Perjanjian Baru, orang Kristian yang awal menyusun pernyataan mereka mengenai berita baik berdasarkan beberapa kebenaran yang penting.

Pada mulanya adalah berita buruk: Allah ialah Hakim anda, dan anda telah berdosa terhadapnya. Dan kemudian injil: tetapi Yesus telah mati supaya orang yang berdosa boleh diampuni untuk dosa mereka jika mereka bertaubat dan percaya kepada-Nya.